

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XXIV)9

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BUKIT TENGAH
YB. GOOI HSIAO-LEUNG**

9. Atas permintaan orang ramai, adakah Kerajaan Tempatan akan melaksanakan kutipan sampah dari rumah ke rumah di semua kawasan perkampungan di Pulau Pinang?
 - (a) Sekiranya tidak, jelaskan kenapa?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

9. Pada ketika ini, kedua-dua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri Pulau Pinang tidak bercadang untuk melaksanakan kutipan sampah dari rumah ke rumah di semua kawasan perkampungan di Pulau Pinang.

Kutipan sampah dari rumah ke rumah di semua kawasan kampung tidak dapat dilakukan kerana terdapat faktor-faktor kekangan seperti berikut :

- (i) Kawasan perkampungan tidak mempunyai kelebaran jalan yang mencukupi bagi membolehkan kenderaan memungut sampah untuk masuk dan membuat kutipan;
- (ii) Jalan-jalan minitar di kawasan kampung tidak mempunyai kemampuan bagi menampung beban jika dilalui oleh kenderaan memungut sampah PBT;
- (iii) Rumah-rumah kampung tidak dibina secara tersusun dan tidak mempunyai rangkaian jalan yang membolehkan kutipan rumah ke rumah dijalankan;

- (iv) Jalan-jalan di kawasan kampung adalah berada di atas tanah persendirian. Taburan rumah yang berjauhan menyebabkan masa pungutan sampah lebih panjang dan menjelaskan jadual trip kutipan; dan
- (v) Walau bagaimanapun, kedua-dua PBT menyediakan tong sampah komunal di laluan keluar/masuk dan kutipan sampah tong komunal tersebut dijalankan pada setiap hari.